

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

RMK 454 - Undang-Undang 2

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan.

1. Terangkan perbezaan di antara "kontrek dengan kuantiti" dengan "kontrek tanpa kuantiti" seperti mana diamalkan oleh Pertubuhan Akitek Malaysia.

Sebutkan dokumen-dokumen yang merupakan dokumen-dokumen kontrek dan terangkan peranan dokumen-dokumen ini.

(20 markah)

2. a) Terangkan perbezaan di antara kontrek-kontrek kecil yang berasal daripada cara "sublet" dengan kontrek kecil yang dicalonkan (Nominated Sub-Contract). Terangkan juga hubungan kontrek di antara parti-parti dalam kes-kes begitu.  
b) Terangkan bagaimana perlantikan kedua kontrek-kontrek kecil itu dibenarkan mengikut syarat-syarat kontrek PAM.

(20 markah)

3. Dalam suatu kontrek yang berdasarkan kontrek PAM Arkitek telah memberikan arahan-arahan seperti berikut kepada kontrektor.
- a) Menjalani kerja pindaan.
  - b) Menunda tarikh mengambil alih tapak bina untuk tempoh selama sembilan bulan.
  - c) Melantik Syarikat ABC sebagai Kontrektor Kecil yang dicalonkan untuk kerja-kerja hiasan dalaman.

...2/-

Pihak Majikan dan Penyelia Tapak juga telah memberikan arahan kepada Kontrektor untuk menjalani kerja-kerja tambahan dan untuk menolak kerja-kerja yang tidak berkualiti.

Terangkan hak-hak dan kewajipan Kontrektor dalam kes-kes begitu.

(20 markah)

4. Pihak Arkitek dalam kontrek yang menggunakan Syarat-Syarat Kontrek PAM dengan kuantiti telah memberikan Arahan Pindaan untuk menukar kemasan dinding dan lantai. Oleh kerana kadar-kadar genting-genting baru tidak disenaraikan di dalam Bil-Bil Kuantiti Kontrektor memberikan sebutharga untuk kemasan itu dengan syarat kerja-kerja pindaan akan dijalankan jika pihak Arkitek menerima sebutharganya. Arkitek memberikan jawapan kepada Kontrektor yang kadar-kadar dalam sebutharga baru ini adalah terlampaui tinggi dan rekomendkan kadar-kadar yang difikir manasabah. Perkara ini tidak diselesaikan selama tiga bulan dan dalam tempoh itu Kontrektor enggan menjalankan kerja-kerja pindaan itu, dengan akibat penyiapan kerja tidak dapat dicapai sepertimana ditetapkan dalam kontrek. Pihak Majikan tanpa notis daripada Arkitek menolak sebahagian daripada bayaran kemajuan sebagai gantirugi yang ditaksirkan.

Berikan pandangan anda tentang isu-isu yang terlibat di dalam kes ini.

(20 markah)

5. Pihak Kontrektor untuk sebuah projek telah menghadapi kerumitan wang setelah pihak majikan gagal membayar sepenuhnya amaun yang telah disijilkan oleh pihak Arkitek sebagai bayaran kemajuan. Pihak Kontrektor kemudian enggan membayar kontrektor-kontrektor kecil yang dicalonkan amaun yang sepatutnya dibayar kepada mereka dengan alasan amaun yang dibayar oleh pihak Majikan tidak mencukupi untuk membayar semua pihak. Akibatnya adalah semua kontrektor-kontrektor kecil yang dicalonkan berhenti kerja dan Kontrektor menghadapi masalah untuk menyiapkan. Pihak Arkitek setelah diberitahu keadaan ini oleh pihak kontrektor-kontrektor kecil memberikan amaran kepada Kontrektor maka Kontrektor sebaliknya memberikan notis yang dia ingin menuntut untuk lanjutan masa oleh kerana bayaran daripada majikan tidak dapat dijelaskan sepenuhnya.

Berikan nasihat anda terhadap hak-hak parti dalam kontrek ini dengan andaian Borang Kontrek PAM digunakan dalam projek ini.

(20 markah)

6. Pertikaian telah berlaku mengenai tuntutan Kontrektor untuk gantirugi yang berkaitan dengan lanjutan masa. Tanpa berusaha untuk menyelesaikan tuntutan ini pihak Arkitek mengeluarkan Sijil Akhir manakala pihak Kontrektor mengambil tindakan mahkamah dengan harapan keputusan cepat boleh dicapai.

Mandangkan Borang Kontrek PAM digunakan di dalam kes ini, terangkan cara-cara yang terbuka kepada pihak Majikan untuk mengatasi tindakan Kontrektor ini.

Terangkan juga presidur yang terlibat sekiranya kedua-dua pihak ingin menyerahkan pertikaian ini kepada seorang Timbangtara.

(20 markah)

-0000000-